

Konsep Hak Asasi menurut Perspektif Islam dan Barat: Analisis terhadap Golongan Transgender

The Concept of Human Rights According to Islam and the Western: Analysis on the Transgenders

Anas, W. N. I. W. N.

Jabatan Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu,
Malaysia

Tel: +6013-9112147 E-mel: wnizzatianas@unisza.edu.my

Khairuldin, W. M. K. F. W. (Pengarang Penghubung)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal
Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, Malaysia

Artificial Intelligence for Sustainability and Islamic Research Center (AISIR), Universiti
Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-2835651 E-mel: wmkfirdaus@unisza.edu.my

Karim, A. K.

Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6012-3560961 E-mel: abdkarim@um.edu.my

Abstrak

Objektif kajian ini adalah menjelaskan konsep hak asasi manusia menurut Islam dan barat. Selain itu, kajian ini juga menganalisis konsep hak asasi manusia terhadap golongan transgender menurut perspektif Islam dan Barat. Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, kaedah dokumentasi dijalankan. Kajian dokumentasi dijalankan bagi mendapatkan data-data berkaitan transgender di Malaysia dan hak asasi menurut perspektif Islam dan barat. Data-data yang dikumpulkan menggunakan analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa konsep hak asasi Islam adalah hak individu tetapi tertakluk kepada hukum Islam. Manakala, barat pula berpandangan

bahawa hak asasi adalah hak individu secara mutlak. Kajian ini juga mendapati bahawa Islam tidak membenarkan perbuatan menukar jantina. Manakala, barat pula membenarkan perbuatan menukar jantina. Kesimpulan kajian ini adalah Islam dan barat berbeza pandangan terhadap hak asasi berkaitan transgender. Impak kajian ini dapat menyumbang kepada kefahaman masyarakat terhadap perbezaan konsep hak asasi antara Islam dan barat berkaitan golongan transgender. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menganalisis terhadap golongan transgender dalam konteks undang-undang Islam dan barat.

Kata kunci: Hak asasi; Analisis; Transgender; Islam; Barat

Abstract

This study aims to explain the concept of human rights from Islamic and Western perspectives and to analyze these concepts specifically concerning transgender individuals. Using a documentation method, data on transgender issues in Malaysia and human rights from both perspectives were collected and analyzed through content analysis. The study found that the Islamic concept of human rights acknowledges individual rights within the limits of Islamic law, whereas the Western perspective views human rights as absolute individual rights. Islam does not permit gender reassignment, while the West allows it. These findings highlight the differing views between Islam and the West on transgender-related human rights. The study contributes to public understanding of these differences and suggests further research to analyze transgender issues within the context of Islamic and Western legal frameworks.

Keywords: Human rights; Analysis; Transgenders; Islam; Western

Pengenalan

Golongan transgender di Malaysia secara lantang menuntut beberapa perkara yang melibatkan hak asasi manusia (Anas, 2022; Muhammed et al., 2018). Contohnya, mereka menuntut hak agar gender yang dipilih oleh mereka diperakui oleh kerajaan. Beberapa tuntutan mereka juga menjadi perbincangan dalam kalangan pemimpin negara, golongan akademik dan masyarakat umum. Mereka berpandangan bahawa mereka mempunyai hak kebebasan untuk memilih jantina yang mereka ingini. Oleh sebab itu, mereka berpandangan bahawa tidak menjadi satu kesalahan

apabila mereka memilih untuk melakukan pembedahan jantina atau menggunakan rawatan hormon. Selain golongan transgender di Malaysia, masyarakat barat pada hari ini berpandangan bahawa golongan transgender bebas untuk memilih sama ada untuk menukar jantina atau sebaliknya kerana pemilihan tersebut merupakan hak kebebasan individu (Ahmad & Salleh, 2018).

Transgender didefinisikan sebagai sekumpulan individu yang mengalami tekanan atau ketidaksamaan gender daripada identiti gender asal mereka. Kesannya, mereka dikategorikan sebagai mengalami *gender dysphoria* atau ketidaksamaan gender. Manakala, Brown dan Rousley (1996), pula berpandangan bahawa golongan transgender merangkumi individu-individu yang menghadapi isu-isu mengenai gender mereka sendiri.

Apabila menyoroti konsep hak asasi, ahli akademik mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam tafsiran hak asasi dari kaca mata Islam dan kaca mata barat (Asbi et al., 2024). Menurut Hamat (2007), Islam merupakan agama pertama yang memperkenalkan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, terdapat tanggapan negatif terhadap Islam yang berpandangan bahawa Islam sebuah agama menolak konsep hak asasi (Musa, 2015). Hal ini berlaku kerana Islam dan barat melihat konsep hak asasi manusia dalam konteks yang berbeza (Nor et al., 2020).

Secara umumnya, pelbagai tafsiran dalam menafsirkan hak asasi manusia. Menurut Wahab dan Bidin (2001), hak asasi manusia merujuk kepada hak dan kebebasan individu yang sama tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, bahasa, warna kulit dan sebagainya. Hak-hak tersebut merupakan hak-hak fundamental bagi setiap individu. Hak asasi ini juga turut melibatkan

pelbagai perkara termasuk hak berpolitik, hak ekonomi, hak sosial, hak budaya, hak bermasyarakat, hak beragama dan sebagainya. Menurut Musa (2015), hak asasi manusia adalah hak yang dimiliki oleh seseorang kerana individu tersebut adalah manusia.

Umumnya, prinsip-prinsip berkaitan dengan hak asasi manusia telah termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1948. Di bawah deklarasi tersebut, hak-hak yang telah dikuatkuasakan di bawah deklarasi tersebut mengikat individu-individu seluruh dunia secara tidak langsung. Malah, deklarasi tersebut turut menjadi dasar kepada moral yang diakui di peringkat global. Menurut Ahmad dan Salleh (2018), menyimpulkan bahawa, prinsip yang berkaitan dengan hak asasi manusia turut menjadi tunjang melibatkan perundangan dan perlembagaan kebanyakan negara. Justeru itu, menurut Arif et al. (2018), kebanyakan golongan transgender berpendapat bahawa golongan mereka juga berhak mendapatkan hak-hak yang termaktub dalam UDHR.

Kesimpulannya, isu hak asasi golongan transgender menimbulkan perdebatan yang meluas dalam kalangan masyarakat, pemimpin, dan akademik. Ini kerana Islam dan barat memandang konsep hak asasi manusia dari kaca mata yang berbeza. Justeru itu, tujuan kajian ini adalah menjelaskan konsep hak asasi manusia menurut Islam dan barat serta menganalisis konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam dan barat terhadap golongan transgender.

Metodologi

Artikel ini menggunakan kaedah dokumentasi bagi memperoleh gambaran yang jelas berkaitan konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam dan

barat. Dokumen-dokumen klasik dan kontemporari juga dirujuk bagi mengumpul data- data bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat berkaitan konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam.

Hasil daripada pengumpulan data ini, data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ini digunakan bagi meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat dalam dokumen. Analisis kandungan merupakan merupakan satu teknik penyelidikan dengan cara membuat kesimpulan. kesimpulan tersebut dibuat secara sistematik dan objektif melalui data berbentuk dokumen (Krippendorff, 2004).

Hasil analisis ini menunjukkan bahawa barat dan Islam mempunyai dua pandangan yang berbeza berkaitan dengan hak asasi manusia. Islam tidak menafikan hak fundamental individu seperti kebebasan bersuara, kebebasan berpolitik dan sebagainya. Tetapi hak-hak tersebut terbatas di dalam lingkungan agama Islam. Demikian juga turut diaplikasikan di dalam isu berkaitan golongan transgender. Islam tidak menafikan golongan transgender untuk mendapatkan hak fundamental sebagai seorang individu atau manusia. Tetapi, Islam tidak membenarkan golongan transgender mengamalkan perbuatan transgender kerana perbuatan tersebut di luar batasan fitrah manusia.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Konsep Hak Asasi Manusia secara Umum

Hak asasi manusia merujuk kepada hak-hak dasar yang dimiliki oleh setiap individu sejak lahir, tanpa memandang faktor seperti ras, jantina, agama, atau status sosial (Meerangani et al., 2013). Pandangan ini

menekankan bahawa hak-hak tersebut bersifat universal. Hak-hak ini meliputi kepada semua individu di seluruh dunia.

Selain itu, hak asasi manusia saling berkaitan sehingga pelanggaran terhadap satu hak dapat memberi implikasi kepada hak-hak yang lain. Hak-hak ini juga tidak dapat diabaikan walaupun berada di dalam situasi tertentu. Contohnya situasi darurat. Tanggung jawab untuk melindungi dan memenuhi hak asasi manusia terletak kepada negara. Selain itu, kesedaran berkaitan hak asasi manusia sangat penting bagi memberi kefahaman yang tepat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hak asasi manusia. Secara keseluruhan, hak asasi manusia mencakupi berbagai aspek, termasuk hak berpolitik, ekonomi, sosial, dan budaya, seperti hak untuk hidup, kebebasan berekspresi, hak atas pendidikan, dan hak untuk bekerja dan semua yang menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih adil.

Secara asasnya, masyarakat umum memahami hak asasi manusia sebagai hak yang dimiliki oleh individu yang bersifat mutlak seperti hak untuk hidup, hak untuk menyuarakan pandangan, hak untuk berfikir dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan antara Islam dan barat akan isu-isu tertentu yang berkait rapat dengan konsep hak asasi manusia, seperti isu transgender (Mohamad, 2015). Pertikaian atau percanggahan terhadap isu-isu tersebut disebabkan oleh Islam dan barat melihat konsep hak asasi manusia dari perspektif yang berbeza. Kesan dari perbezaan konsep ini mengakibatkan timbul salah faham masyarakat barat khususnya kepada Islam dan mempertikaikan Islam sebagai agama fitrah dan agama yang memperjuangkan hak asasi manusia.

Konsep Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Islam

Islam merupakan agama yang amat menitik beratkan hak asasi individu. Hal ini jelas apabila prinsip hak asasi manusia menjadi asas di dalam Islam. Islam pada hakikatnya memandang bahawa setiap individu yang diciptakan oleh Allah S.W.T mempunyai martabat yang sama sahaja kecuali ketakwaan. Menurut Musa (2015), konsep hak asasi manusia apabila dilihat dari perspektif Islam, konsep tersebut menjurus kepada *al-daruriyat al-khomsah* atau *al-huquq al-insaniyah fi al-Islam* (hak asasi manusia dalam Islam).

Secara asasnya, Islam menjaga lima hak utama setiap manusia yang berpusat kepada lima asas utama seperti menjaga agama, menjaga jiwa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta benda. Kelima-lima hak utama ini yang turut disebut sebagai Maqasid Syariah perlu dijaga oleh individu Islam untuk hidup dalam masyarakat yang harmoni. Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan dan matlamat yang lebih tinggi yang prinsip-prinsip dan undang-undang Islam bertujuan untuk mencapainya. Objektif ini bertujuan untuk mempromosikan kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Terdapat lima komponen utama dalam Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan Agama (*Hifz al-Din*), pemeliharaan nyawa (*Hifz al-Nafs*), pemeliharaan akal (*Hifz al-Aql*), pemeliharaan keturunan (*Hifz al-Nasl*) dan pemeliharaan harta (*Hifz al-Mal*) (al-Juwaini, 2015). Kelima-lima komponen Maqasid al-Shariah ini berfungsi sebagai prinsip panduan untuk formulasi dan interpretasi undang-undang dan prinsip-prinsip Islam.


Untuk melindungi lima hak utama tersebut daripada dicabul, Islam membataskan hak-hak umum seperti hak bersuara, hak berpendidikan dan sebagainya. Hak-hak individu yang sering diperkatakan di dalam al-Quran seperti hak untuk hidup, hak untuk

merdeka, hak untuk berpendidikan, hak kehormatan diri dan hak untuk memiliki. Walau bagaimanapun, Islam tidak menyifatkan hak asasi manusia itu sesuatu yang bersifat mutlak semata-mata (Majid, 2017). Hal ini bermaksud, Islam memberikan kebebasan kepada individu-individu untuk mempraktikkan apa-apa perkara yang termasuk di bawah hak asasi manusia selagi perkara tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Lebih jelas lagi adalah konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam adalah konsep hak asasi yang bersifat kerohanian dan keagamaan.

Menurut Kamal (2017), Islam adalah agama yang bukan hanya menjaga hak asasi manusia bagi melindungi hak-hak individu semata-mata. Tetapi, juga turut merangkumi kesan kepada individu lain. Ini menunjukkan konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam adalah meluas bukan hanya tertakluk kepada individu

semata (Hamat, 2007). Seperti contoh, Islam memberikan kebebasan untuk individu bersuara. Namun, kebebasan bersuara tersebut tidak boleh sampai mengundang kekeliruan individu lain berkaitan agama dan sebagainya. Ini kerana, kekeliruan tersebut akan menjurus kepada kekacauan dalam masyarakat.

Kesimpulannya, Islam amat menggesa umat-Nya untuk saling menghormati hak asasi individu lain. Namun, hak asasi tersebut harus digunakan mengikut piawaian yang telah digariskan oleh Islam. Lebih mudah lagi adalah individu-individu tidak sewenang-nya melakukan apa sahaja dengan melangkaui batasan agama dengan alasan perbuatan tersebut merupakan hak asasi manusia. Ini kerana, perbuatan tersebut akan memberi implikasi yang tidak baik kepada dirinya sendiri, masyarakat dan juga negara. Rajah 1 menjelaskan tentang hak asasi manusia menurut perspektif Islam.



Rajah 1: Konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam

Konsep Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Barat

“Human right could be generally as those right which are inherent in our nature and without which we cannot live as human being”

Deklarasi ini yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak asasi manusia adalah bahawa hak-hak tersebut adalah hak yang terdapat dalam fitrah kita sebagai manusia, tanpa hak-hak tersebut, kita tidak dapat hidup sebagai manusia. Pandangan ini sebenarnya berasal dari idea-idea yang dikemukakan oleh Locke, menyatakan bahawa setiap individu mempunyai hak asasi yang tidak boleh diambil, seperti hak untuk hidup, kebebasan, dan harta benda. Menurut Triana (2007), Barat mempunyai dua pandangan yang berbeza mengenai hak asasi manusia. Pandangan pertama menganggap hak asasi manusia sebagai mutlak dan universal, sementara pandangan kedua mempertimbangkan pelbagai aspek pelaksanaan hak asasi manusia, seperti faktor-faktor sosial, politik, geografi, dan budaya dalam masyarakat (Thoyyar, 1988).

Menurut Syafrinaldi et al. (2019), terdapat tiga peringkat perkembangan hak asasi manusia. Peringkat pertama dipengaruhi oleh dasar-dasar Rom yang telah membentuk kewarganegaraan sejak abad ke-13. Peringkat kedua menyaksikan munculnya beberapa pandangan mengenai hak asasi manusia, yang mengarah kepada *Magna Carta* dan *English Bill of Rights*. Seterusnya, konsep hak asasi manusia berkembang di Amerika Syarikat. Namun, peringkat ketiga, yang ditandai oleh Perang Dunia I, menjadi faktor utama dalam perkembangan hak asasi manusia di peringkat global. Ini terlihat dari persetujuan di antara negara-negara di

bawah deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *The Universal Declaration of Human Rights* pada tahun 1948.

Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR), yang diadopsi oleh Majlis Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948, adalah dokumen asas yang mengesahkan hak untuk kesaksamaan. Artikel 7 UDHR menyatakan:

"All are equal before the law and are entitled without any discrimination to equal protection of the law."

Pemikir Barat cenderung mengaitkan hak asasi manusia dengan kedaulatan dan kebebasan individu. Bagi mereka, hak asasi manusia dan kebebasan individu adalah mutlak, sering kali mengutamakan kepentingan individu daripada kepentingan manusia secara global. Dari pemahaman ini, berbagai cara hidup moden telah muncul. Menurut Malla (2005), hak asasi manusia barat ditentukan oleh masyarakat dalam usaha mencapai perdamaian dan keselamatan. Pada dasarnya, hak asasi manusia Barat memberi keutamaan kepada keharmonian individu dan masyarakat.

Hak asasi manusia dari perspektif barat boleh difahami sebagai hak pada semua manusia, tanpa mengira kewarganegaraan, etnik, agama, atau ciri-ciri lain. Hak-hak ini dianggap sebagai universal dan tidak boleh dipertikaikan, bermaksud mereka tidak boleh diambil atau ditolak dari individu. Konsep hak asasi manusia dalam konteks barat berakar pada idea otonomi individu, martabat, dan kesaksamaan.

Hak untuk kesaksamaan adalah prinsip asas dan universal dalam undang-undang hak asasi manusia. Ia menegaskan bahawa semua individu adalah sama di hadapan undang-undang dan berhak untuk diperlakukan tanpa diskriminasi

berdasarkan bangsa, jantina, agama, atau sebab-sebab lain (United Nations, 1948; *International Covenant on Civil and Political Rights*, 1966). Prinsip ini diabadikan dalam instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa utama, seperti Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan Perjanjian Hak Sivil dan Politik Antarabangsa, mengesahkan kepentingannya di peringkat global.

Kajian ilmiah dan kerangka undang-undang yang dibincangkan dalam rujukan akademik menekankan kepentingan mempromosikan kesamarataan dan menghapuskan diskriminasi. Sumber-sumber ini memberi penekanan kepada usaha berterusan untuk melindungi dan menegakkan hak untuk kesamarataan, mencerminkan komitmen bersama masyarakat antarabangsa dalam memelihara hak asasi manusia (Yamin, 2013; Joseph & Schultz, 2018).

Walau bagaimanapun, cabaran tetap wujud dalam melaksanakan hak untuk kesamarataan secara berkesan di kawasan dan konteks yang berbeza. Faktor-faktor sosio-budaya, warisan sejarah, dan interpretasi undang-undang yang berbeza boleh mempengaruhi realisasi praktikal hak ini (Razzaque, 2013; An-Na'im, 2019). Namun demikian, pengiktirafan hak untuk kesamarataan tetap penting dalam membentuk masyarakat yang inklusif dan adil.

Sementara kita terus menangani isu-isu hak asasi manusia dan berusaha untuk mencipta dunia yang lebih adil, komitmen terhadap prinsip kesamarataan dan anti-diskriminasi adalah sangat penting. Usaha-usaha bersepadu antara kerajaan, masyarakat sivil, dan organisasi antarabangsa menjadi penting dalam memajukan perlindungan dan promosi hak untuk kesamarataan bagi semua individu, tanpa mengira latar belakang atau identiti mereka (Koenig, 2017; Azar, 2020). Dengan menegakkan

prinsip hak asasi manusia ini, kita mendekati pencapaian masyarakat global yang lebih adil, inklusif, dan harmoni.

Analisis Konsep Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Islam dan Barat terhadap Golongan Transgender

Konsep hak asasi manusia dari perspektif Islam dan Barat terhadap masyarakat transgender mengungkapkan perbezaan pandangan yang signifikan. Dari perspektif Islam, hak asasi manusia dianggap penting dan terdapat pada setiap individu yang diciptakan oleh Allah. Islam mengakui kedudukan dan kesetaraan pada setiap manusia, dengan menekankan bahawa semua individu memiliki hak untuk hidup, kebebasan, dan hak-hak fundamental lainnya. Namun, penting untuk dilihat bahawa Islam memandang hak asasi manusia tertakluk kepada beberapa syarat dan batasan yang ditetapkan oleh ajaran Islam. Dalam konteks masyarakat transgender, Islam melarang tindakan transformasi gender kerana dianggap bertentangan dengan ketentuan alam yang telah diciptakan oleh Allah (Anas, 2022). Batasan ini berakar daripada keyakinan bahawa kepatuhan kepada gender yang ditentukan adalah penting untuk mempertahankan fitrah (sifat alami) seseorang. Golongan transgender terdiri dari individu yang secara fizikal memiliki biologi lengkap, tetapi mengalami perasaan bahawa mereka terperangkap dalam gender yang berbeza daripada identiti asal mereka, yang mendorong mereka untuk mengubah penampilan, perilaku, dan tutur kata berdasarkan gender yang mereka inginkan.

Pelbagai pandangan masyarakat global berkaitan dengan golongan transgender ini. Lebih-lebih lagi pandangan antara Islam dan barat. Islam mengharamkan individu

yang mempraktikkan sebagai transgender. Manakala barat berpandangan bahawa individu bebas untuk mengamalkan transgender kerana amalan tersebut dianggap sebagai hak individu (Powell et al., 2016). Pandangan ini bersesuaian dengan yang diputuskan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut United Nations Human Right (2019), terdapat lima cadangan berkaitan hak transgender. Pertama, melindungi golongan transgender daripada kekerasan. Kedua, melindungi golongan transgender daripada mendapat layanan buruk dan ketiga memansuhkan undang-undang yang menjenayahkan golongan transgender. Manakala keempat pula menangani diskriminasi berdasarkan orientasi seksual, identiti jantina dan ciri seks. Kelima pula adalah melindungi kebebasan bersuara, perhimpunan aman dan persatuan untuk golongan transgender.

Perspektif yang bertentangan mengenai hak transgender antara Islam dan Barat mempunyai implikasi terhadap perlakuan dan pengiktirafan terhadap masyarakat transgender di seluruh dunia. Pandangan yang berbeza ini menekankan kepentingan untuk mempromosikan pemahaman dan dialog untuk mewujudkan penerimaan dan inklusiviti terhadap semua individu, tanpa mengira identiti gender mereka.

Perspektif barat umumnya menyokong kebebasan individu untuk mengamalkan identiti transgender, menganggapnya sebagai perkara hak peribadi dan autonomi. Pandangan ini sejajar dengan cadangan United Nations Human Rights Council untuk melindungi masyarakat transgender daripada keganasan, diskriminasi, dan penafian perkhidmatan berdasarkan identiti

gender dan orientasi seksual. Dari sudut pandang barat, menghormati kebebasan individu adalah sangat penting, dan langkah-langkah harus diambil untuk menghapuskan undang-undang dan amalan diskriminatif.

Pada sisi yang lain, Islam berpendapat bahawa walaupun individu memiliki kebebasan tertentu, mereka harus mematuhi peraturan-peraturan Islam yang ditetapkan untuk mencegah akibat buruk, terutamanya kepada individu itu sendiri (Abdullah et al., 2018). Islam melarang amalan transgender kerana ia boleh menyebabkan kesan yang merugikan terhadap kesihatan individu, terutamanya apabila menjalani rawatan hormon untuk mengubah penampilan. Perilaku tersebut bercanggah dengan ketertiban semula jadi ciptaan Allah. Banyak kepercayaan agama lain juga melihat amalan transgender sebagai penyimpangan dan bertentangan dengan hukum alam dan sifat manusia. Sementara itu, individu-individu yang dimaksudkan dilahirkan dengan anatomi biologi yang tipikal sejak usia muda. Selain itu, perilaku tersebut bercanggah dengan fitrah semula jadi yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Dalam konteks agama lain juga, perilaku transgender juga dianggap sebagai penyimpangan dan bertentangan dengan hukum alam dan sifat semula jadi manusia.

Aabila meneliti kelima-lima cadangan yang diutarakan tersebut berkaitan transgender menurut kaca mata Islam, Islam sebenarnya tidak menafikan hak individu berkaitan untuk mendapat layanan baik. Namun, Islam tidak memberi kebebasan kepada individu untuk meniru jantina lain secara fizikal sehingga membawa kepada perubahan alat kelamin. Oleh itu, cadangan yang menginginkan untuk memansuhkan undang-undang yang

menjenayahkan transgender dan memberi kebebasan kepada persatuan transgender untuk mengembangkan lagi persatuannya ditolak. Ini kerana dari segi Islam terutamanya dan agama lain, cadangan tersebut menyebabkan golongan transgender semakin berani untuk mengembangkan ideologi mereka.

Sebagai kesimpulan, Islam mengakui hak asasi manusia bagi individu transgender, seperti hak untuk hidup, kebebasan berbicara, dan akses kepada pendidikan. Namun, Islam tidak membenarkan praktik identiti transgender, kerana ia dianggap bertentangan dengan ajaran agama dan bercanggah dengan ketertiban semula jadi ciptaan Allah. Perbezaan pandangan antara Islam dan Barat mengenai isu ini melibatkan hak asasi manusia dan menunjukkan keperluan untuk terus berdialog dan memahami antara kepercayaan budaya dan agama yang berbeza.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Islam tidak menafikan hak asasi manusia kerana Islam adalah agama pertama yang memperkenalkan. Namun, walau bagaimanapun, perkara-perkara yang berkaitan hak asasi manusia, semua individu terikat dengan ajaran Islam. Di samping itu, Islam sudah pasti mempunyai justifikasi yang jitu terhadap keterikatan hak asasi manusia terhadap individu bersifat tidak mutlak.

Rujukan

Abdullah, Z., Sa'ari, C. Z., dan Chang, L. W. (2018). Transgenderisme di malaysia: pelan bimbingan kembali kepada fitrah dari perspektif psikospiritual Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2): 279-322.

Abu Bakar, N., Daud, N., Nordin, N., dan Abdullah, A. H. (2015). Developing

integrated pedagogical approaches in play pedagogy: Malaysian experiences. *Asian Social Science*, 11(4): 234-245.

Ahmad, N. M. dan Salleh, M. M. M. (2018). Hak asasi manusia dari perspektif Islam dan undang-undang di malaysia: isu dan penyelesaian. Dalam Seminar Antarabangsa Syariah dan Undang-Undang.

An-Na'im, A. A. (2019). Toward a cross-cultural approach to defining international human rights. *Emory International Law Review*, 33(1): 87-130.

Anas, W. N. I. W. N. (2022). Pendekatan hukum Islam dalam menangani masalah sosial berkaitan golongan transgender di Malaysia. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.

Andi Malla, H. A. B. (2005). Islam dan hak-hak asasi manusia. *Jurnal Hunafa*, 2(3): 251-264.

Asbi, Rahman Malik, Kurniawati, J., Lydia, N. S. (2024), Muslims acceptance of lesbian, gay, bisexual, and transgender issues in Indonesia. *Pharos Journal of Theology*, 105(2) : 1-14.

Azar, C. M. (2020). Advancing human rights: the role of NGOs in human rights monitoring and advocacy. *Journal of Human Rights Practice*, 12(3): 517-534.

Daud, N., Ismail, H., Arifin, S. R. M., Embong, R., Nordin, N., dan Bichi, A. A. (2019). Benefits of breast milk for health care: Analysis from the Islamic perspective. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 10(9): 1846-1850

Hamat, M. F. (2007). Hak asasi manusia menurut Syarak. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 20: 45-66.

International Covenant on Civil and Political Rights. (1966). United Nations. Diakses dari: <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>

Joseph, S. M. and Schultz, M. (2018). The right to equality and non-discrimination in South African higher education: challenges and prospects. *South African Journal of Higher Education*, 32(2):135-152.

Mohamad, M. Z., Mujani, W. K., Rozali, E. A., Omar, S. H. S., Othman, M. S., Syed Ab. Rahman, S. M. A., dan Hashim, J. (2014). The negative impact of religious pluralism on the Islamic society in Malaysia. *Social Sciences*, 9(3): 153-156.

Mohamad, M. Z., Gulerce, H., Zaprul Khan, M. S. I., Wan Chik, W. M. Y., Saileh, A. W., Yusof, S., Hakimi Mat Idris, M. F., Mohd, Z., Ismail, A., dan Yusoff, K. (2014). The value of moderation in the context of national unity in Malaysia. *International Business Management*, 8(1): 24-29.

Mohamad, M. Z., Che Noh, N., Md Lateh@Junid, H., Khairuldin, W. M. K. F. W., Yusof, S., Mat Idris, M. F. H., Abd. Latif, F., dan Anuar, A. (2024). The importance of Nursi's thought in empowering Muslim identity. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(2): 518-524.

Mujani, W. K., Rozali, E. A., and Mohamad, M. Z. M. (2012). The world stability within cosmology as inspired by risale-i nur. *Journal of Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 980-984.

Muhammed, A. A. A. dan Amuda. Y. J. (2018). LGBT: An evaluation of Shariah provision and the laws of Malaysia and Nigeria. *Global Journal of al-Thaqafah*, 8(1): 15-29.

Meerangani, K. A., Marinsah, S. A., Termimi, M. A. A., Rosele, M. I., dan Rahimin, A. A. (2013). Hak asasi bukan muslim di Malaysia: analisis isu terpilih. Dalam *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*.

Nordin, N., Embong, R., Daud, N., Ismail, S. K., Salleh, S. F., dan Ahmad, A. A. (2019). The Islamic ethical principles in commodity derivatives contracts. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22(Special Issue 1): 1-5.

Nordin, N., Daud, N., Ahmad, A. A., Bakar, N. A., dan Ali, E. M. T. E. (2015). Gharar in forward and futures contracts? *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2): 435-441.

Koenig, A. M. (2017). From declaration to reality: The universal declaration of human rights at seventy. *Human Rights Quarterly*, 39(2): 397-414.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Umar, R., Kamarudin, M. K. A., dan Embong, A. H. (2022). Ethical Issues in Academic Authorship: A Study on Group Writing. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 11(1): 226-231.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Mohamad, M. Z., Embong, A. H., dan Mokhtar, W. K. A. W. (2021). The role of Prophet Muhammad S.A.W in educating children and its applications to prevent gadget addiction among children. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 13(2): 718-722.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Suhaimi, M. A., Idham, M. A., Embong, A. H., dan Hassan, S. A. (2024). Developing a holistic Islam-based academic integrity model for Malaysian higher education institutions. *Pakistan*

Journal of Life and Social Sciences, 22(1): 677–686. <https://doi.org/10.57239/PJLSS-2024-22.1.0049>

Khairuldin, W. M. K. F. W., Fauzi, N., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Imas, M. M., dan Hassan, A. (2020). The knowledge of mobile learning and Quranic symbols (Dabt al-Quran) in Mushaf Uthmani and mobile learning among al-Quran teachers in IMTIAZ, Terengganu. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(5): 1190–1198.

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*: Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Mohamad, M. (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: perspektif undang undang jenayah syariah. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 19(2): 29-36.

Majid, W. R. A. (2017). Meletakkan batasan pada kebebasan. Diakses dari: <https://www.ikim.gov.my/index.php/2017/02/13/meletakkan-batasan-pada-kebebasan/>

Kamal, M. H. M. (2017). Prinsip hak asasi manusia menurut perspektif undang-undang antarabangsa dan hukum syarak: suatu perbandingan. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 26(1): 72-99.

Arif, M. I. A. M., Shafie, M. S., Hanapi, H., dan Hassan, F. M. (2018). Salah laku LGBT dalam perundangan Malaysia: Undang-undang sebagai mekanisme pembanterasannya dan kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1): 19-34.

Musa, M. F. (2015). Pengantar hak asasi manusia moden dan hujah sangkalan ia bertentangan dengan Islam. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(3):79-94.

Nor, M. M. M., Abdullah, R. dan Bakar, W.Z.W. (2020), Perbezaan pendekatan hak asasi manusia: suatu sorotan literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1): 1-34.

Powell, T., Shapiro, S. dan Stein, E. (2016). Transgender rights as human rights. *AMA Journal of Ethics*, 18(11): 1126-1131

Razzaque, J. (2013). *Socio-economic rights in developing countries*. Cambridge: University Press.

Hassan, S. A. dan Khairuldin, W. M. K. F. W. (2020). Research Design Based on Fatwa Making Process: An Exploratory Study. *International Journal of Higher Education*, 9(6): 241-246.

Syafrinaldi, dan Suparta, E. (2019). Hak asasi manusia dan demokrasi dalam konsep negara hukum. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1): 133-142

Thoyyar, H. (1988). *Polemik Hak Asasi Manusia, Bagaimana Konsepsi Islam?* Jakarta: Suara Hodayatullah.

Triana, N. (2007). Hak asasi manusia dalam perspektif barat dan Islam. *Jurnal Kajian Hukum Islam*, 1(2): 109-124.

United Nations. (1948). *Universal Declaration of Human Rights*. Diakses dari: <https://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>

Wahab, H. A., dan Bidin, A. (2001). Akta 597: Satu perkembangan hak asasi manusia di Malaysia. *Jelapang*, 2(2): 71-82.

Yamin, A. E. (2013). Power, suffering, and the struggle for dignity: human rights frameworks for health and why they matter. *Pennsylvania Studies in Human Rights*, 16(1): 1-34.